



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: 136 kes Macau Scam, rugi RM5.5j
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 23 June 2020

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 17

136 kes Macau Scam, rugi RM5.5j

Penipuan melalui panggilan telefon kembali aktif

Oleh Norsyazwani Nasri
cnews@nstp.com.my

Kuching

Sarawak merekodkan 136 kes penipuan di dalangi sindiket Macau Scam membabitkan kerugian melebihi RM5.5 juta sepanjang Januari hingga kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Sarawak, Superintendan Maria Rasid berka-

ta, bagi tempoh sama tahun lalu, 56 kes dilaporkan membabitkan kerugian melebihi RM3.9 Juta.

“Dari segi tangkapan, seramai 79 individu ditahan JSJK Sarawak bagi tempoh 1 Januari sehingga semalam berbanding 18 tangkapan pada tempoh yang sama tahun lalu.

“Kebelakangan ini, penipuan melalui panggilan telefon atau lebih dikenali sebagai Macau Scam kembali aktif dengan hampir setiap hari ada kes dilaporkan di Sarawak,” katanya dalam kenyataannya, semalam.

Maria berkata, sikap mu-

dah mempercayai antara faktor utama menyebabkan mangsa mudah tertipu.

Katanya, lazimnya mangsa ditipu dengan helah didakwa ada tunggakan hutang kad kredit, pinjaman, kes mahkamah atau saman mahkamah, kes langgar lori, tunggakan cukai dan perkhidmatan (GST) dan tunggakan cukai pendapatan atau perniagaan.

“Orang ramai harus sentiasa berwaspada dan tidak mudah terperdaya dengan muslihat pihak tertentu yang menyamar, usah panik serta mudah percaya,” katanya.



“

Sikap mudah mempercayai antara faktor utama mangsa mudah tertipu

Maria